



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

13 MAC 2023 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

13 MAC 2023 (ISNIN)

1,531 premis daftar tawar Menu Rahmah

Kota Kinabalu: Sebanyak 1,531 premis perniagaan mendaftar dalam melaksanakan Inisiatif Menu Rahmah di seluruh negara setakat ini dan bilangan itu dijangka terus meningkat.

Daripada jumlah terbabit, 105 premis beroperasi di Sabah, termasuk sebuah hotel di Sandakan yang menjadi hotel pertama di negara ini menawarkan pakej penginapan dengan harga Rahmah sepanjang Ramadan akan datang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub mengajak lebih ramai lagi penggiat industri, khususnya restoran, makanan dan peruncitan untuk bersama-sama kerajaan menjayakan aspirasi bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

"Menu Rahmah ialah inisiatif terbaharu kerajaan dalam membantu dan mengurangkan kos sara hidup rakyat, terutama golongan yang memerlukan untuk mendapatkan makanan bermakna yang seimbang pada harga RM5 dan ke bawah.

"Ini inisiatif sukarela syarikat swasta dan kerajaan tidak menentukan harga, kaedah pelaksanaan, bahan-bahan serta lauk bagi Menu Rahmah yang ditawarkan, asalkan ia seimbang dengan kandungan protein, karbohidrat dan serat, iaitu sayur-sayuran," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Menu Rah-



Salahuddin beramah mesra bersama pelanggan selepas melancarkan Menu Rahmah di Restoran BTC Bistro, Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

mah di Restoran BTC Bistro di Inanam, di sini semalam, beliau berkata, berdasarkan maklum balas peniaga yang menyertai inisiatif itu, Menu Rahmah dijadikan model perniagaan daya penarik pelanggan.

"Dengan itu, pendapatan peniaga dapat ditingkatkan melalui kuantiti jualan yang dapat menampung pengurangan margin dan pada masa sama, turut bersama-sama dalam usaha kebajikan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Katanya, kerajaan sentiasa komited membantu mempromosi premis yang menyediakan Menu

Rahmah, termasuk mewujudkan satu portal bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat lokasi premis berdekatan mereka yang menjual menu berkenaan.

Daftar di laman web

Beliau memaklumkan, peniaga boleh mendaftar penyertaan dengan melayari <https://menurahmah.kpdn.gov.my>.

Sementara itu, Salahuddin berkata, menjelang Ramadan, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan ditugaskan di lokasi strategik seperti

pasar awam, pasar tani dan pusat beli-belah barangan keperluan perayaan.

Di Sabah, beliau berkata, KPDN melantik 170 peruncit daerah terpilih (DDR) dan 89 pemborong daerah terpilih (DDW) di seluruh negeri ini bagi tujuan pemantauan kedudukan bekalan barangan keperluan asas.

"Kedudukan bekalan barangan keperluan asas berdasarkan peruncit dan pemborong yang dilantik di setiap daerah di Sabah ini akan menjadi penanda aras ke atas bekalan barangan keperluan asas di daerah-daerah berkenaan," katanya.



SALAHUDDIN (kanan) beramah mesra dengan pelanggan Menu Rahmah di BTC Bistro dan Catering di Kota Kinabalu semalam.

Lebih 1,500 premis di seluruh negara sertai Menu Rahmah

KOTA KINABALU – Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memaklumkan lebih 1,531 premis perniagaan sudah mendaftar dalam melaksanakan inisiatif Menu Rahmah di seluruh negara.

Beliau berkata, menerusi jumlah berkenaan, sebanyak 105 premis makanan berkenaan adalah membabitkan pengusaha dari Sabah.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) mengesakan lebih ramai pemain industri

khususnya industri makanan, restoran dan peruncitan termasuklah di Sabah supaya bersama pihak kerajaan untuk menjayakan aspirasi ini dalam meringankan kos sara hidup rakyat.

"Kita yakin jumlah penyertaan pengusaha yang menyajikan Menu Rahmah ini akan terus bertambah dari semasa ke semasa.

"Bagi negeri Sabah sahaja, kementerian mēnsasarkan pertambahan 500 premis dalam tempoh dua hingga tiga bulan ke depan," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika ditemui media selepas merasmikan Pakej Rahmah BTC semalam.

Dalam pada itu, Salahuddin mahu menggalakkan lebih ramai pengusaha premis makanan agar mendaftar melalui laman sesawang menurahmah.kpdn.gov.my.

"Kita akan tolong promosi dan setakat hari ni, saya tidak ada mendengar aduan yang serius tentang Menu Rahmah, malah sebaliknya menjadi daya tarikan orang awam datang ke sesebuah restoran atau kafe," katanya.



Lebih 1,500 premis niaga laksana inisiatif Menu Rahmah

KOTA KINABALU - Sebanyak 1,531 premis perniagaan telah mendaftar dalam melaksanakan Inisiatif Menu Rahmah di seluruh negara setakat ini dan bilangan itu dijangka terus meningkat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, daripada jumlah berkenaan, sebanyak 105 premis makanan di Sabah telah menyertai program itu termasuk sebuah hotel di Sandakan yang menjadi hotel pertama di negara ini menawarkan pakej penginapan dengan harga Rahmah sepanjang Ramadan akan datang.

"Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyeru lebih ramai lagi pemain industri khususnya restoran, makanan dan peruncitan Sabah supaya bersama-sama kerajaan untuk menjayakan aspirasi ini bagi meringankan kos sara hidup rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas me-

lancarkan Menu Rahmah di Restoran BTC Bistro di Inanam di sini pada Ahad.

Salahuddin berkata, berdasarkan maklum balas daripada peniaga yang telah menyertai inisiatif ini, Menu Rahmah telah dijadikan model perniagaan daya penarik pelanggan ke premis mereka.

"Dengan itu, pendapatan mereka dapat ditingkatkan melalui kuantiti jualan yang dapat menampung pengurangan margin dan pada masa sama turut bersama-sama dalam usaha kebajikan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan sentiasa membantu mempromosi premis menyediakan Menu Rahmah.

Katanya, KPDN mewujudkan satu portal bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat lokasi premis menjual Menu Rahmah yang berdekatan dan peniaga juga boleh mendaftar penyertaan mereka dengan melayari <https://menurahmah.kpdn.gov.my>.

- Bernama

Over 1,500 outlets involved in Menu Rahmah initiative

KOTA KINABALU: A total of 1,531 business premises have registered to implement the Menu Rahmah initiative nationwide as of yesterday and the number is expected to increase further, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub.

He said out of the total, 105 food premises in Sabah had participated in the initiative including a hotel in Sandakan, which is the first hotel in the country to offer an accommodation package with Rahmah prices throughout the Ramadan month.

"Hence, the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is calling on more industry players, especially restaurants, food and retail industry in Sabah, to work together with the government to achieve this aspiration to lessen the people's cost of living," he said after launching the Menu Rahmah at the BTC Bistro in Inanam here yesterday.

Salahuddin said Menu Rahmah was the government's latest initiative that had gone viral in helping and reducing the cost of living for

the people, especially those in need to get balanced meals at a price of RM5 and below.

"The Menu Rahmah is a voluntary initiative of private entities where the government does not determine the price, implementation method, ingredients and side dishes for the Menu Rahmah offered, as long as it is a balanced meal with protein, carbohydrates and fibre.

"Based on feedback from participating traders, Menu Rahmah has been a crowd-puller business model

to attract customers to their premises.

"Therefore, their income can be increased through the number of sales that can accommodate the reduction in margins and at the same time help those in need," he said.

He added that KPDN had created a portal to enable the public to get information on the location of nearby Menu Rahmah premises, and traders could also register their participation by visiting <https://menu-rahmah.kpdn.gov.my>.

Meanwhile, Salahuddin said ahead of the celebration of the month of Ramadan, KPDN enforcement officers would be assigned to strategic locations such as public markets, farmers' markets and shopping centres to monitor daily essentials.

He said Sabah KPDN had appointed 170 DDR (Dedicated District Retailers) and 89 DDW (Dedicated District Wholesalers) throughout Sabah for the purpose of monitoring the supply of basic necessities in the state.

More hop on
Menu Rahmah
foodwagon **page 2**



Salahuddin with customers during the launch at BTC Bistro in Inanam, Kota Kinabalu yesterday. – BERNAMAPIC

Over 1,500 participants in Menu Rahmah initiative

➤ Minister urges more industry players to work with govt to realise aspiration to lower cost of living for the people

KOTA KINABALU: Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said as of yesterday, a total of 1,531 establishments nationwide have registered to implement the Menu Rahmah initiative, and the number is expected to increase.

He said of the total, 105 food businesses in Sabah have signed up for the initiative, including a hotel in Sandakan, which is the first hotel in the country to offer an accommodation package with Menu Rahmah prices throughout the Ramadan month.

"The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is calling on more industry players, especially restaurants, food and retail outlets in Sabah, to work with the government to achieve this aspiration to lessen the people's cost of living," he said after launching a Menu Rahmah

at BTC Bistro in Inanam here yesterday.

Salahuddin said Menu Rahmah is the government's latest initiative that has gained widespread support for helping reduce the cost of living of the people, especially in providing a balanced meal at a price of RM5 and below.

According to Salahuddin, participation in the Menu Rahmah initiative is voluntary and the price, mode of delivery, ingredients and side dishes offered are determined by the respective private entities and not by the government, as long as the meal contains protein, carbohydrates and fibre.

"Based on feedback from participating traders, Menu Rahmah has been a crowd-puller business model that is attracting customers to their premises.

"Their income can be increased through

the number of sales that can accommodate the reduction in margins, and at the same time help those in need."

Salahuddin said the government is committed in helping promote premises that provide Menu Rahmah.

He added that the ministry has created a portal to enable the public to get information on the nearest location of outlets offering Menu Rahmah, and traders can also register their participation at <https://menurahmah.kpdn.gov.my>.

Meanwhile, Salahuddin said enforcement officers from the ministry will be assigned to strategic locations, such as public markets, farmers' markets and shopping centres, to monitor daily essentials ahead of Ramadan.

Sabah Domestic Trade and Cost of Living Ministry has appointed 170 dedicated district retailers and 89 dedicated district wholesalers throughout Sabah to monitor the supply of basic necessities in the state. – Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

13 MAC 2023 (ISNIN)

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Mar	Menu Rahmah helped eateries increase income, says minister	https://youtu.be/O-B8oSpFG8k	NST ONLINE
13-Mar	Menu Rahmah launched at BTC Bistro	https://youtu.be/JtFZqics7xQ	DAILY EXPRESS
13-Mar	105 premis makanan di Sabah sertai inisiatif Menu Rahmah	https://tvstv.my/2023/03/12/105-premis-makanan-di-sabah-sertai-inisiatif-menu-rahmah/	TVSTV
13-Mar	Ambil peluang perniagaan berpotensi	https://sarawakvoice.com/2023/03/13/ambil-peluang-perniagaan-berpotensi/	SARAWAKVOICE
13-Mar	Ops Tiris: Pemandu lori ditahan bersama 10,000 liter diesel bersubsidi	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ops-tiris-pemandu-lori-ditahan-bersama-10000-liter-diesel-bersubsidi/	UM
13-Mar	Penang KPDN nab man, seize 10,000 litres of subsidised diesel	https://www.thesundaily.my/local/penang-kpdn-nab-man-seize-10000-litres-of-subsidised-diesel-IC10741810	THESUNDAILY
13-Mar	KPDN tahan seorang lelaki, rampas 10,000 liter diesel bersubsidi	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-tahan-seorang-lelaki-rampas-10000-liter-diesel-bersubsidi-LC10741659	THESUNDAILY
13-Mar	KPDN tahan seorang lelaki, rampas 10,000 liter diesel bersubsidi	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2172426	BERNAMA